

CNS8010

U GB 18-01 00149 BH753

aab

Parlimen - Islam

PM PERSOAL RAJA YANG TERIMA HUDUD, TETAPI TOLAK PINDAAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata cadangan pindaan untuk memansuhkan imuniti raja daripada segi undang-undang adalah selaras dengan Islam.

Justeru itu, Perdana Menteri mempersoalkan pendirian seorang raja yang menolak cadangan pindaan itu tetapi menyatakan sanggup menerima hukum Hudud.

"Menurut baginda, baginda sedia menerima hukum-hukum Islam tanpa imuniti tetapi tidak sanggup menerima undang-undang negara yang dikatakan bukan undang-undang Islam," katanya ketika membentangkan rang undang-undang Akta Perlembagaan (Pindaan) 1993 di Dewan Rakyat hari ini.

Dr Mahathir berkata : "Sama ada direstui atau tidak oleh Baginda, kedudukan raja-raja Melayu sejak merdeka ditentukan oleh undang-undang, iaitu Perlembagaan.

"Undang-undang inilah yang juga yang memberi keistimewaan-keistimewaan tertentu kepada Raja. Di antara keistimewaan ini adalah imuniti daripada undang-undang," kata beliau. -- Lagi

▼18/01/16-55MST

CNS8020

U GB 18-01 00141 BH755

aab

Parlimen - Islam 2 Kuala Lumpur

"Jika raja sanggup menerima imuniti di bawah undang-undang yang bukan Islam, kenapakah penghapusan imuniti dalam undang-undang yang sama tidak mahu diterima oleh Islam?" kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak menolak hukum Hudud tetapi perlaksanaannya perlu mengambil kira keadaan negara ini, yang penduduk Islamnya hanya 56 peratus dan mereka masih daif dalam berbagai-bagai bidang.

"Jika keadaan mengizinkan, kita akan menguatkuasakan hukum Hudud. Tetapi janganlah, sementara kita menunggu hukum Hudud dilaksanakan, kita melakukan sesuatu yang bertentangan dengan ajaran Islam," katanya.

Sebenarnya, kata Perdana Menteri, jenayah yang dilarang dalam undang-undang negara ini adalah juga yang dilarang oleh agama Islam.

"Apakah raja berkenaan mahu kebebasan melakukan jenayah ini hanya kerana kita belum boleh melaksanakan hukum Hudud yang melarang jenayah yang sama?" kata beliau. -- Lagi

▼18/01/17-07MST

CNS8095

U GB 18-01 00119 BH759

aab

Parlimen - Islam 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata Islam berpegang kepada dua prinsip penting berkenaan dengan undang-undang iaitu tiada perbezaan antara umatnya dalam penguatkuasaan undang-undang dan tiada kekebalan dalam Islam.

Dalam prinsip pertama, katanya, raja dan rakyat adalah sama saja dan imuniti bagi raja adalah bertentangan dengan prinsip ini.

Perdana Menteri berkata menolak penghapusan imuniti supaya dikekalkan perbezaan antara raja dan rakyat dalam undang-undang tidak mencerminkan pegangan yang kuat kepada prinsip Islam.

Melalui prinsip kedua yang menetapkan tiada kekebalan dalam Islam, beliau berkata semua hukum adalah untuk semua umat.

"Raja yang mahu dirinya kebal daripada undang-undang sudah tentu menentang prinsip Islam ini," katanya. -- Lagi

▼18/01/17-58MST

CNS8099

U GB 18-01 00174 BH760

aab

Parlimen - Islam 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata bahawa Islam memberi banyak kelonggaran dan ia mengambil kira segala faktor dan keadaan yang dihadapi oleh umatnya.

Malahan, katanya, dalam menunaikan ibadatpun, keadaan alam sekeliling, kesihatan individu dan keadaan semasa diambil kira.

Demikian juga dengan penguatkuasaan hukum Hudud, keadaan alam sekeliling dan masyarakat perlu diambil kira, kata beliau.

"Sebab itu tidak banyak negara yang majoriti penduduknya terdiri daripada orang Islam yang melaksanakan hukum Hudud. Yang melaksanakannya pun tidak melaksanakan dengan sepenuhnya," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak seharusnya menolak kelonggaran yang disediakan oleh Islam.

Katanya : "Pertadbiran yang menolak kelonggaran yang diberikan oleh Islam sebenarnya tidak mematuhi ajaran Islam. Islam tidak menyuruh orang Islam atau kerajaan Islam melaksanakan hukum Islam secara membuta tuli sehingga boleh membinasakan diri.

"Sebab itu Nabi Muhammad menyuruh pengikutnya pergi ke Habsyah untuk menyelamatkan diri. Sebab itu Nabi berhijrah ke Madinah untuk menyelamatkan Islam dan perjuangan Islam," kata beliau. -- Bernama

▼18/01/18-01MST

CNS7814

U GE 18-01 00178 EA688

aac

Rulers-meetings

RULERS, CABINET AND BN MEETINGS

KUALA LUMPUR, Jan 18<sup>93</sup> (Bernama) -- A flurry of meetings were held at Istana Negara, the Prime Minister's Department and Parliament House today, hours before the Dewan Rakyat was to convene a special sitting to debate the Constitution (Amendment) Bill seeking to strip the Rulers of their legal immunity.

Up till 11.45am, it was not yet clear whether the government-proposed amendments have been accepted by all the Rulers.

The Cabinet was believed to be meeting at the PM's Department when Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad left for Istana Negara and arrived there at 8.33am.

Dr Mahathir, who was believed to have had an audience with the Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah, left the Istana at 9.35am.

Dr Mahathir returned to the PM's Department where he was believed to have rejoined the Cabinet meeting.

The Rulers began arriving at Istana Negara, venue for the formal meeting of the Conference of Rulers, at 8.42am. -- more

▼18/01/12-28MST

CNS7817

U GE 18-01 00193 EA689

aac

Rulers-meetings 2 (last) Kuala Lumpur

The first to arrive was the Sultan of Pahang, and he was followed by the di-Pertuan Besar of Negeri Sembilan (8.50am), Sultan of Terengganu (9.50am), Regent of Selangor (9.53am), Raja of Perlis (9.55am), Sultan of Kedah (10.24 am), Sultan of Johor (10.30am) and Sultan of Kelantan (10.46am).

The Regent of Perak was believed to have been at the Istana earlier.

Attorney-General Tan Sri Abu Talib Othman arrived at the Istana at 10.10am.

The Rulers were believed to have started their meeting at 11am.

By then, the Cabinet meeting was believed to have ended and the Prime Minister and other Cabinet members left for Parliament House to attend a pre-conference meeting with Barisan Nasional (BN) Members of Parliament and senators.

Yesterday, the Prime Minister, Deputy Prime Minister Ghafar Baba and Finance Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim met six Malay Rulers at Istana Negara.

Dr Mahathir told reporters after the meeting that the government and the six Rulers had reached accord on the proposed constitutional amendments with some additions to the draft Bill. -- Bernama

▼18/01/12-33MST